

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT MENGAJAR INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN (ILP)**

### **1. Syarat-syarat Permohonan bagi Permit Mengajar Institut Latihan Pelancongan (ILP)**

- a) Permohonan mestilah dibuat oleh Institut Latihan Pelancongan yang dilesenkan oleh Kementerian.
- b) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (online) melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).
- c) Permohonan hanya akan dipertimbangkan untuk mengajar di dalam bidang pelancongan seperti Kursus Asas Pemandu Pelancong Tahap 3, Pengurusan Perhotelan dan Katering.

### **2. Permit Mengajar**

- a) Tempoh permit mengajar adalah 1-3 tahun bergantung kepada surat Perakuan Pengiktirafan Kelayakan sebagai Personel Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan Pentauliahannya yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- b) Institut Latihan Pelancongan hendaklah memperbaharui permit tersebut setelah tamat lesen tempoh sah laku.

### **3. Aspek-Aspek Penilaian:**

- a) Tenaga pengajar (sambilan/tetap) yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) / NOSS (*National Occupational Skill Standard*) disyaratkan untuk menghadiri Kursus Induksi yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- b) Kelayakan Akademi / Pengalaman Kerja Tenaga Pengajar:
  - Sijil Pegawai Latihan Vokasional/Vocational Training Officer (VTO) ; dan
  - Sijil (SKM): Tahap 1 dan 2 - Diploma atau Sijil setarafnya dan tidak kurang 5 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan; atau
  - Sijil Lanjutan (SKM): Tahap 3 - Diploma dan tidak kurang 5 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan; atau

- Diploma Tahap 4 - Ijazah atau Diploma Lanjutan dengan 2 - 5 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan; atau
  - Diploma Lanjutan - Tahap 5 - Ijazah atau Diploma Lanjutan dengan 5 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan
- c) Dokumen-dokumen yang perlu disertakan semasa permohonan:
- i. Satu (1) keping gambar berwarna terkini berukuran passport
  - ii. Satu (1) salinan laporan pemeriksaan kesihatan terperinci/psikologi daripada pegawai perubatan berlesen dan bertauliah
  - iii. Satu (1) salinan sijil/dokumen yang diakui sah seperti berikut:
    - Kad pengenalan berwarna (MYKAD)
    - Sijil-sijil kelayakan akademik/ profesional dan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
4. Pemohonan bagi tenaga pengajar warganegara asing hanya akan dipertimbangkan untuk kursus yang dikendalikan dalam Bahasa Asing sahaja. Calon perlu mempunyai pentauliah dan kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
5. Bayaran Fi Lesen sebanyak RM50.00 setahun hendaklah dikemukakan selepas permohonan lulus, dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos di atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara atas talian (*online*) ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)).

NOTA:

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan fail Kementerian ini (jika ada) hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang bank draf/kiriman wang/wang pos berkenaan